

**PERBANDINGAN *TAKHRIJ* HADIS DI IPT-IPT MALAYSIA:  
KAJIAN KES DI KUIS DAN KUIN<sup>1</sup>**

Dr. Farhah Zaidar Mohamed Ramli<sup>2</sup>  
Dr. Phayilah Yama @ Fadilah Zakaria<sup>3</sup>  
Dr. Zainora Daud<sup>4</sup>  
Nur Sarah Tajul Urus<sup>5</sup>  
Farah Nur Rasyida Rosnan<sup>6</sup>

---

<sup>1</sup>Artikel ini merupakan dapatan dan penemuan daripada Kajian Perbandingan *Takhrij* Hadis di IPT-IPT Malaysia, KOD PROJEK: 2015/P/GPIK/INHAD-002, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor., 2015.

<sup>2</sup>Pensyarah Jabatan al-Quran & al-Sunnah di Akademi Islam dan Fellow Penyelidik Muda di Institut Kajian Hadis Selangor (INHAD), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

<sup>3</sup>Pensyarah Jabatan al-Quran & al-Sunnah di Akademi Islam dan Fellow Penyelidik Muda di Institut Kajian Hadis Selangor (INHAD), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

<sup>4</sup> Pensyarah Jabatan Tahfiz al-Quran wa al-Qiraat di Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

<sup>5</sup>Pensyarah di Kulliyah Syariah dan Undang-Undang, Kolej Universiti Insaniah, Kedah.

<sup>6</sup>Pembantu penyelidik dan pensyarah di Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

### **ABSTRAK**

Sukar dinafikan bahawa penguasaan kemahiran *takhrij* hadis dalam kalangan penulis genre ilmiah bidang pengajian Islam adalah begitu penting. Penulisan latihan ilmiah, kertas projek, tesis, disertasi, jurnal dan seumpama dengannya memerlukan keseriusan dalam mengenal pasti kejelasan sumber dan status hadis terlebih dahulu sebelum ianya dinukilkan sebagai dalil penghujahan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sumber-sumber rujukan *takhrij* hadis dan keasliannya dalam penulisan genre ilmiah terdiri daripada kertas projek, disertasi dan tesis oleh pelajar Syariah dan Undang-undang di Institut Pengajian Tinggi terpilih di Malaysia iaitu KUIS dan KUIN. Kajian jugamenganalisis bilangan hadis serta pernyataan statusnya yang telah dirujuk sebagai hujah. Kajian turut mengkaji sejauhmana kecekapan *takhrij* hadis dan kepatuhan menuruti formatnya oleh pelajar IPT terbabit serta faktor-faktor kecekapan mahu pun kelemahan tersebut. Kajian ini dilakukan secara kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian kes. Instrumen pengumpulan data kajian adalah menerusi analisis dokumen dan temubual. Penganalisan data dilakukan secara deskriptif dan komparatif. Sampel kajian melibatkan 50 buah kertas projek, empat buah disertasi dan tiga buah tesis. Dapatan keseluruhan menunjukkan aplikasi *takhrij* hadis dalam penulisan pelajar terbabit adalah baik dan bergerak atas landasan yang betul meski pun terdapat kekurangan dan kelemahan tertentu. Kekurangan tersebut adalah dalam aspek tiadanya konsistensi pentakhrijan hadis yang standard dalam penulisan kertas projek, tesis dan disertasi pelajar sekali pun mereka berpotensi dan mempunyai pengetahuan, kemahiran serta kemudahan untuk melakukannya. Penemuan kajian signifikan dalam mendorong semua pihak sama ada pelajar, penyelia atau pengurusan institusi mengembeleng tindakan secara kolektif untuk memastikan pentakhrijan hadis dalam penulisan kertas projek, disertasi dan tesis pelajar tidak lagi mengalami sebarang kecuaiian atau ketidakpatuhan yang kurang wajar.

**Kata Kunci:** *Takhrij* hadis, IPT Malaysia, kajian kes, KUIS, KUIN.

## **PENGENALAN**

Pengaplikasian *takhrij* hadis dalam penulisan genre ilmiah seperti jurnal, disertasi, tesis atau kertas projek khususnya dalam bidang pengajian Islam seperti Syariah dan Undang-undang adalah satu keperluan. Ini adalah kerana hadis sememangnya merupakan sumber kedua syariat Islam yang menjadi sumber rujukan primer dalam pengajian tersebut selepas al-Quran. (Al-Tahhan: 1991) Namun disebabkan kewujudan kepelbagaian sumber hadis, isu keaslian sumber tersebut serta terdapatnya perbezaan status hadis sama ada *sahih*, *hasan*, *da'if* dan *mawdu'* menjadikan rujukan terhadap hadis perlu dilatih dengan satu kaedah atau ilmu yang dikenali sebagai *takhrij* hadis. Kecekapan terhadap aplikasi *takhrij* hadis ini membawa implikasi ketepatan merujuk sumber yang betul, hadis yang maqbul sebagai hujah serta penulisan lengkap sumber berkenaan dalam penulisan genre ilmiah berkenaan. Manifestasi kecekapan ini dapat menambah keyakinan penulis terhadap apa yang dibahas dan dibicarakan tentang hadis-hadis yang dipetik tersebut.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian kes kualitatif dipilih sebagai reka bentuk kajian. Ini adalah kerana kajian kes kualitatif lebih sesuai digunakan untuk menghurai dan menjelaskan subjek kajian dengan lebih dekat dan mendalam. (Marohaini Yusoff: 2004) Reka bentuk ini dapat menghasilkan banyak data deskriptif bagi mencapai objektif kajian yang digariskan. (Merriam S.B.: 1998) Manakala persampelan kajian dipilih berdasarkan kriteria-kriteria sampel yang bertepatan dengan objektif kajian iaitu jenis persampelan bertujuan (*purposive sampling*). (Merriam S.B.: 1998) Bilangan persampelan melibatkan kesemua penulisan genre ilmiah tahun 2014 iaitu terdiri daripada 50 buah kertas projek, empat buah disertasi dan tiga buah tesis dalam bidang Syariah dan Undang-Undang yang dihasilkan daripada dua IPT iaitu KUIS dan KUIN. Terdapat dua instrumen yang digunakan untuk mengumpulkan data kajian iaitu analisis dokumen dan temu bual. Analisis dokumen merupakan instrumen utama kajian. Manakala temu bual merupakan instrumen sokongan kajian untuk mengukuhkan beberapa penemuan data yang diperolehi secara analisis dokumen.

## **LITERATUR KAJIAN**

Perkataan *takhrij* daripada aspek bahasa merupakan kata terbitan kepada kalimah **يُخْرِجُ - تَخْرِيجًا** yang membawa makna mengeluarkan dan menzahirkan sesuatu. Manakala *takhrij* daripada aspek istilah pengajian hadis adalah merujuk kepada suatu proses yang dilakukan untuk menunjukkan kedudukan sesuatu hadis daripada sumbernya yang asal yang meriwayatkan hadis tersebut beserta sanadnya oleh penyusun-penyusun sumber tersebut dan juga kemudiannya menerangkan

status hadis tersebut apabila diperlukan. Al-Tahhan: 1991 al-Ghawri(2012). Dengan perkataan lain, *takhrij* hadis menurut kefahaman dan pengaplikasian dalam kalangan ilmunan pada masa kini ialah lebih bermaksud kepada penyandaran sesuatu hadis kepada kitab sumber asal yang terkandung di dalamnya hadis berkenaan beserta keterangan tentang hukumnya sama ada *sahih*, *hasan*, atau *da'if* jika diperlukan. (Khafidz 2012). Manakala menurut 'Abd al-Hadi (1987) tujuan asas yang hendak dicapai menerusi aplikasi *takhrij* hadis adalah untuk mengenal pasti sumber asal sesuatu hadis tersebut diriwayatkan dan kepastian kedudukannya sama ada ianya diterima atau ditolak.

Menurut ilmunan hadis, proses *takhrij* hadis berguna untuk mencapai faedah-faedah tertentu.'Abd al-Hadi(1987)iaitu pensyarah hadis di Universiti al-Azhar berpendapat paling banyak faedah yang boleh diperolehi hasil daripada pengaplikasian *takhrij* hadis adalah 21 faedah.Manakala al-Akayilah (1999) pula menyenaraikan 15 faedah *takhrij* hadis dan diikuti Khayr Abadi (2003) iaitu pensyarah hadis di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia menyenaraikan sebanyak 12 faedah *takhrij* hadis. Kesemua faedah-faedah ini adalah munasabah besesuaian dengan dapatan proses *takhrij* hadis yang kebiasaannya melibatkan kepelbagaian sumber, jenis hadis dan senario penemuan yang kompleks serta tidak seragam. Namun analisis merumuskan semula kesemua faedah yang disenaraikan oleh ketiga-tiga ilmunan tersebut iaitu secara puratanya terdapat 16 perkara yang dikemukakan sebagai faedah lazim hasil daripada aplikasi *takhrij* hadis. Meski pun begitu hanya dua faedah terpenting yang dikemukakan.

Faedah Pertama,pentakhrij dapat mengenalpasti kewujudan hadis tersebut dalam satu sumber atau sejumlah sumber hadis dengan dapat menukilkan nama tokoh ulama penyusun sumber yang meriwayatkan hadis tersebut dan kedudukan asalnya dalam kandungan sumber berkenaan.(KhayrAbadi 2003) Faedah kedua,pentakhrij dapat mengenalpasti status hadis tersebut dengan menukilkan keputusan ulama berkenaan dalam memutuskan penarafan status tersebut dalam perspektif kesahihan atau kedaifan atau dengan perkataan lain, antara penerimaan atau penolakan kecuali hadis-hadis *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim* dan lain-lain kitab *sahih*. Ini adalah kerana hadis kedua-dua kitab ini dan lain-lain kitab *sahih*telah dimuktamadkan sebagai *sahih* kesemuanya.(KhayrAbadi 2003) Kedua-dua faedah di atas menunjukkan kepentingan *takhrij* hadis yang begitu ketara dalam kalangan penuntut ilmu yang berinteraksi dengan hadis secara aktif dan serius terutamanya dalam penulisan genre ilmiah bidang pengajian Islam seperti Syariah dan Undang-Undang.

Seterusnya Khayr Abadi (2003) menjelaskan pada dasarnya sumber-sumber hadis iaitu kitab-kitab yang mengandungi hadis boleh dikategorikan kepada tiga jenis keasliannya iaitu sumber asli bagi hadis, sumber seumpama asli bagi hadis dan sumber tidak asli bagi hadis. Sumber asli bagi hadis merupakan kategori kumpulan kitab yang penyusunnya meriwayatkan hadis-hadis menerusi *isnad* mereka sendiri dalam kandungan kitab-kitab tersebut. Ianya sama ada kitab-kitab

tersebut dalam bidang hadis, akidah, tafsir, fiqah, usul fiqah dan sejarah. Sumber seumpama asli bagi hadis merupakan kategori kumpulan kitab yang penyusunnya menyatakan hadis beserta dengan *sanad* hadis tersebut berdasarkan nukilan daripada kategori sumber asli bagi hadis tersebut. Sumber tidak asli bagi hadis pula merupakan kategori kumpulan kitab yang penyusunnya menyatakan hadis berdasarkan nukilan daripada kategori sumber asli bagi hadis tersebut tanpa menyertakan *sanad* daripada sumber tersebut.

Menurut al-Tahhan (1991), sumber *takhrij* hadis yang berautoriti dalam erti kata sumber hadissebenar yang boleh diterima serta menepati istilah '*takhrij* hadis' yang hakiki adalah kumpulan kitab dalam kategori sumber asli bagi hadis. Ini adalah kerana hadis-hadis yang terkandung dalam kumpulan kitab ini merupakan hadis-hadis yang diriwayatkan oleh penyusunnya secara langsung daripada guru yang bersambungan terus kepada Rasulullah ﷺ iaitu sepertimana kitab-kitab dalam bidang hadis. Selain itu, ianya juga adalah kerana penyusun hanya meriwayatkan hadis menerusi *sanad* sendiri semata-mata iaitu sepertimana kitab-kitab dalam kategori yang selain daripada bidang hadis seperti akidah dan lain-lain. Manakala pentakhrijan yang menggunakan kitab-kitab daripada kategori sumber seumpama asli bagi hadis dan kategori sumber tidak asli bagi hadis adalah tidak selaras dengan makna *takhrij* hadis yang hakiki. Ianya tidak lebih daripada semata-mata pernyataan atau penyebutan sumber secara ringkas sahaja. Perbuatan-perbuatan seperti ini menurut al-Tahhan (1991) sewajarnya tidak dilakukan oleh ilmuan terutamanya dalam kalangan ahli hadis.

Seterusnya menurut Khafidz (2012) secara umumnya format penulisan *takhrij* hadis yang lengkap adalah mesti mengandungi perkara-perkara dan mengikuti susunan tertentu berdasarkan susunan hadis-hadis dalam kitab asal yang menjadi sumber *takhrij*. Jika hadis-hadis dalam kitab asal yang menjadi sumber *takhrij* tersebut disusun menurut kitab dan bab maka ianya dikehendaki ditulis sebagaimana format berikut: Nama Penyusun – Nama Kitab Sumber *Takhrij* – Nama Kitab kecil - nama bab – nombor hadis. Manakala jika hadis-hadis dalam kitab asal yang menjadi sumber *takhrij* tersebut disusun menurut nama-nama sahabat ianya dikehendaki ditulis sebagaimana format berikut: Nama Penyusun – Nama Kitab Sumber *Takhrij* – Nama *Musnad* Sahabat berkenaan - nombor hadis. Selain itu, adalah turut menjadi keperluan dicatat bilangan juzuk atau jilid dan halaman muka surat sebagai rujukan jika sumber kitab yang digunakan belum mempunyai urutan nombor. Maklumat seperti nama dan tempat pencetak, nama pentahkik dan tahun cetakan juga perlu direkodkan tetapi dalam bahagian bibliografi atau rujukan keseluruhan penulisan.

Manakala metodologi standard *takhrij* hadis, pada awalnya kebanyakan ilmuan dan penyelidik hadis dalam era 1980-an sehingga 1990-an seperti 'Abd al-Hadi (1987) dan al-Tahhan (1991) menjelaskan bahawa terdapat hanya lima metode yang boleh diaplikasikan untuk mentakhrijkan sesebuah hadis. Lima metode tersebut adalah metode pentakhrijan berdasarkan perawi sahabat, metode pentakhrijan berdasarkan awal lafaz atau keratan *matan* hadis, metode pentakhrijan

berdasarkan kalimah tertentu atau kalimah *gharib matan* hadis, metode pentakhrijan berdasarkan tematik hadis dan metode pentakhrijan berdasarkan sifat atau ciri pada *matan* atau *sanad* hadis. Dalam tempoh dua belas tahun bermula pada tahun 1987 sehingga sebelum 1999, hanya lima metode tersebut yang lebih dikenali untuk diaplikasikan dalam proses pentakhrijan sesebuah hadis.

Namun kebanyakan ilmuan dan penyelidik hadis di penghujung era 1990-an dan bermulanya era 2000-an seperti al-Akayilah (1999), Khayr Abadi (2003), Faisal (2012) dan Khafidz (2012) telah mengemukakan satu lagi metode tambahan yang terkini berdasarkan pengaruh fenomena ledakan teknologi maklumat dalam dunia penyelidikan *takhrij* hadis kontemporari iaitu metode pentakhrijan berkomputer. Justeru mulai era ini, enam metode tersebut dikenal pasti sebagai metodologi *takhrij* hadis yang standard yang konsisten diaplikasikan dalam penyelidikan hadis di seluruh dunia Islam tempatan mahu pun antarabangsa sehingga kini.

Selain itu, Khayr Abadi(2003) dan Faisal (2012) secara khusus menambahkan enam metode sedia ada kepada satu lagi metode iaitu metode ketujuh yang beliau namakan sebagai metode pentakhrijan secara *istiqra'* dan *tatabbu'*.Meski pun begitu kajian mengetengahkan hanya enam metode sahaja yang dianggap sebagai metode yang lazim digunakan.Juga berdasarkan justifikasi metode ketujuh yang dikemukakan oleh beliau masih terpendil dan belum meluas diulang sebut dalam lain-lain penulisan berkaitan topik ini setakat bahan penulisan yang dirujuk oleh kajian.

**Jadual 1.0 : Taburan Metodologi Standard *Takhrij* Hadis**

METODE TAKHRIJ	'ABD HADI	AL-TAHHAN	AKAYILA H	KHAYR ABADI	FAISA L	KHAFI DZ
	1987	1991	1999	2003	2012	2012
Metode Pentakhrijan Berdasarkan Perawi Sahabat	√	√	√	√	√	√
Metode Pentakhrijan Berdasarkan Awal lafaz/Keratan <i>Matan</i> Hadis	√	√	√	√	√	√
Metode Pentakhrijan Berdasarkan Kalimah tertentu / kalimah <i>Gharib Matan</i> Hadis	√	√	√	√	√	√
Metode Pentakhrijan Berdasarkan Tematik Hadis	√	√	√	√	√	√
Metode Pentakhrijan Berdasarkan Sifat/Ciri Pada <i>Matan</i> atau <i>Sanad</i> Hadis	√	√	√	√	√	√
Metode Pentakhrijan Berkomputer			√	√	√	√
Metode Pentakhrijan <i>Istiqra'</i> dan <i>Tatabbu'</i>				√	√	
<b>Jumlah Metode</b>	5	5	6	7	7	6

Seterusnya Khayr Abadi(2003) dan Khafiz (2012) mengemukakan lima kriteria pentakhrij yang profesional dalam erti kata pakar, berkemampuan dan berkemahiran untuk melakukan proses pentakhrijan hadis yang berkualiti serta bertanggungjawab. Lima kriteria ini merupakan petunjuk utama kepada tahap kecekapan dan ketepatan dalam mengesan kedudukan asal hadis dan penyingkapan statusnya menurut pandangan ilmuan hadis yang berautoriti.Lima kriteria tersebut adalah seperti berikut.

1. Berpengetahuan dalam bahasa Arab. Kriteria ini sinonim beralaskan semua sumber hadis adalah dalam bahasa Arab.
2. Berpengetahuan tentang ilmu teras pengajian hadis dan istilah-istilah spesifik yang diguna pakai oleh ilmuan hadis yang terlalu banyak jumlahnya iaitu hampir 2500 istilah sepertimana yang dikenal pasti oleh al-Ghawri (2012). Kesemua pengetahuan ini terangkum dalam *ulum al-hadith* serta *mustalahal-hadith*.
3. Berpengetahuan tentang khazanah kitab-kitab hadis yang berautoriti dan metodologi penulisan serta penyusunan kandungannya. Juga berkait tentang keupayaan mengenal pasti dan membezakan antara kedudukan kitab sama ada daripada kategori sumber asli bagi hadis, sumber seumpama asli bagi hadis atau sumber tidak asli bagi hadis. Paling kurang perlu mengenali 50 pengarang daripada kategori sumber asli bagi hadis sebagaimana yang disenaraikan oleh Khafidz (2012).
4. Berpengetahuan berkenaan metode pentakhrijan hadis yang standard iaitu enam metode yang telah dibincangkan sebelum ini.
5. Berkeperibadian penyabar dan teliti dalam melakukan proses pentakhrijan supaya hasilnya lengkap, sempurna dan boleh dipercayai.

Lima kriteria di atas juga sangat penting untuk membezakan antara pentakhrij yang amatir dengan pentakhrij yang profesional.Ini adalah kerana *takhrij* hadis hampir mampu dilakukan oleh sesiapa sahaja pada masa kini disebabkan kemudahan ICT yang boleh diakses tanpa batasan. Justeru penemuan pentakhrijan hadis daripada seseorang pentakhrij boleh dipertimbangkan kualitinya berdasarkan lima kriteria berkenaan.

## **DAPATAN DAN ANALISIS KAJIAN**

Terdapat enam dapatan yang ditemuihasil daripada analisis kajian secara deskriptif dan komparatif yang diperbincangan di bawah topik tertentu iaitu taburan jumlah hadis sebagai rujukan, taburan pernyataan status hadis, taburan keaslian sumber *takhrij* hadis, kepatuhanformat *takhrij* hadis dan faktor kecekapan serta kelemahan *takhrij* hadis.

### **Analisis Taburan Jumlah Hadis Sebagai Rujukan**

Jadual 1.1 pada halaman berikut menunjukkan bahawa penulisan genre ilmiah dalam bidang Syariah dan Undang-Undang mempunyai kekerapan yang agak

tinggi untuk berinteraksi dengan hadis sebagai sumber rujukan dan penghujahan. Terdapat 50 buah kertas projek di KUIS telah didapati menggunakan sejumlah 270 buah hadis sebagai sumber rujukan. Hanya 35 buah kertas projek yang didapati tidak menggunakan langsung hadis walaupun sebuah. Manakala jumlah hadis paling minima yang dirujuk oleh pelajar Syariah dan Undang-Undang KUIS untuk sesebuah kertas projek adalah daripada skala satu hingga sembilan buah hadis. Selain itu, jumlah hadis paling maksimum yang dirujuk oleh pelajar terbabit untuk sesebuah kertas projek adalah daripada skala 11 hingga 23 buah hadis.

Jadual 1.1 Taburan Jumlah Hadis Sebagai Rujukan

NAMA IPT	BILANGAN KERTAS PROJEK/DISERTASI/ TESIS/ BAGI TAHUN 2014		JUMLAH HADIS
	Tidak Rujuk Hadis	Rujuk Hadis	
KUIS	35	50	<b>270</b>
KUIN	0	7	<b>489</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>35</b>	<b>57</b>	<b>759</b>

Manakala pelajar Syariah dan Undang-Undang KUIN menunjukkan kekerapan yang lebih tinggi dan memberangsangkan berbanding pelajar Syariah dan Undang-Undang KUIS dalam berinteraksi dengan hadis sebagai sumber rujukan dan penghujahan. Terdapat sejumlah 489 buah hadis yang telah dijadikan sumber rujukan dalam penulisan genre ilmiah yang membabitkan tujuh buah tesis atau disertasi iaitu terdiri daripada tiga tesis peringkat doktor falsafah dan empat disertasi peringkat sarjana. Penemuan menunjukkan jumlah hadis paling minima yang dirujuk oleh pelajar Syariah dan Undang-Undang KUIN untuk sesebuah disertasi atau tesis adalah daripada skala 22 hingga 27 buah hadis. Selain itu, jumlah hadis paling maksimum yang dirujuk oleh pelajar Syariah dan Undang-Undang KUIN untuk sesebuah disertasi atau tesis adalah daripada skala 119 hingga 137 buah hadis.

### **Analisis Taburan Pernyataan Status Hadis**

Pernyataan status hadis bermaksud hadis-hadis yang dinukilkan sebagai sumber rujukan telah dinyatakan kedudukan statusnya iaitu sama ada *sahih*, *hasan*, *da'if* dan *mawdu'*. Dalam konteks KUIS, terdapat hanya 82 buah hadis yang dapat dikenalpasti sebagai *sahih* sekalipun pelajar tidak menyatakannya. Ini adalah kerana 82 hadis tersebut adalah *sahih* berdasarkan sumberambilannya adalah daripada empat buah kitab yang khusus menghimpunkan hadis-hadis *sahih* iaitu *Sahih al-Bukhari*, *Sahih Muslim*, *Sahih Ibn Hibban* dan *Sahih Ibn Khuzaimah*. Manakala



sebuah hadis lagi adalah diriwayatkan oleh Ibn Majah yang dinyatakan kesahihannya oleh pelajar menerusi sumber al-Albani. Manakala 187 buah hadis lagi tidak dinyatakan kedudukan status hadis-hadisnya. Jadual 1.2 berikut menunjukkan penemuan taburan keseluruhan pernyataan status hadis oleh pelajar.

Jadual 1.2 Taburan Pernyataan Status Hadis

PERNYATAAN STATUS HADIS	JUMLAH BILANGAN HADIS MENGIKUT IPT	
	KUIS	KUIN
<i>Sahih</i>	83	488
<i>Hasan</i>	-	-
<i>Da'if</i>	-	1
<i>Mawdu'</i>	-	-
Tidak Dinyatakan	187	0
<b>JUMLAH HADIS</b>	270	489

Penemuan ini menunjukkan kebanyakan pelajar Syariah dan Undang-Undang KUIS kurang komited dan tidak begitu prihatin dalam mengenal pasti status hadis-hadis yang mereka sandarkan sebagai dalil penghujahan dalam kertas projek masing-masing. Fenomena tidak menyatakan status hadis sebegini turut dapat menonjolkan kurangnya pengetahuan pelajar terhadap status hadis yang dijadikan hujah tersebut. Justeru, kekurangan dalam aspek ini berpotensi memberi gangguan ketidakyakinan pelajar dalam berhujah serta juga menimbulkan ketidakpuasan hati dalam kalangan pembaca penulisan mereka. Pengabaian pernyataan status hadis ini menyebabkan kualiti penulisan agak terganggu dan seakan masih belum selesai penghujahannya.

Situasi ini berbeza dengan pelajar Syariah dan Undang-Undang KUIN yang lebih prihatin dan komited dalam menyatakan status hadis yang menjadi rujukan dalam penulisan tesis dan disertasi mereka. Sikap ini boleh ditanggapi menerusi penemuan 488 buah hadis yang telah dikenal pasti sebagai berstatus *sahih* dan hanya satu hadis *da'if*. Tiada sebuah hadis pun yang tidak dinyatakan statusnya. Penemuan yang memberangsangkan ini mencerminkan imej keilmuan pelajar Syariah dan Undang-Undang KUIN yang lebih cemerlang dalam konteks ini berbanding pelajar Syariah dan Undang-Undang KUIS.

### **Analisis Taburan Keaslian Sumber *Takhrij* Hadis**

Terdapat tiga kategori keaslian sumber *takhrij* hadis yang digunakan sebagai rujukan dalam kalangan pelajar Syariah dan Undang-Undang KUIS dan KUIN. Jadual 1.3 di bawah memaparkan taburan sumber asli bagi hadis sebagaimana yang telah diguna pakai oleh pelajar kedua-dua IPT. Dapatan kajian dalam konteks KUIS sebagaimana tertera dalam jadual 1.3 tersebut menunjukkan

bahawa pelajar telah menggunakan 17 buah kitab daripada kategori sumber asli bagi hadis. *Sahih al-Bukhari* merupakan sumber paling kerap dirujuk dalam pengambilan hadis iaitu sebanyak 59 buah hadis diikuti kemudiannya oleh *Sahih Muslim* iaitu sebanyak 32 buah hadis.

Jadual 1.3 pada halaman berikut juga menunjukkan bahawa pelajar KUIN telah menggunakan 17 buah kitab daripada kategori sumber asli bagi hadis. *Sahih al-Bukhari* merupakan sumber paling kerap dirujuk dalam pengambilan hadis iaitu sebanyak 158 buah hadis diikuti kemudiannya oleh *Sahih Muslim* iaitu sebanyak 98 buah hadis. Dapatan juga mendapati *al-kutub al-sittah* iaitu kumpulan enam kitab induk hadis adalah mendapat perhatian tinggi daripada pelajar Syariah dan Undang-Undang KUIS dan KUIN sebagai sumber utama *takhrij* hadis di samping kitab-kitab yang lain.

Jadual 1.3. Taburan Sumber Asli Bagi Hadis

BIL.	KEASLIAN SUMBER HADIS	NAMA IPT	
	SUMBER ASLI BAGI HADIS	JUMLAH HADIS	
	NAMA KITAB	KUIS	KUIN
1.	<i>Sahih al-Bukhari</i>	59	158
2.	<i>Sahih Muslim</i>	34	98
3.	<i>Sunan Abi Daud</i>	18	62
4.	<i>Sunan al-Tirmidhi</i>	15	42
5.	<i>Sunan Ibnu Majah</i>	14	25
6.	<i>Sunan al-Nasa'i</i>	6	11
7.	<i>Musnad Ahmad</i>	5	29
8.	<i>Sunan al-Kubra Imam al-Bayhaqi</i>	4	8
9.	<i>Sahih Ibnu Hibban</i>	1	5
10.	<i>Al-Mu'jam al-Saghir</i>	1	-
11.	<i>Kanzul al-Amal</i>	1	-
12.	<i>Dar al-Qutni</i>	3	5
13.	<i>Musannaf 'Abd Razzaq</i>	1	2
14.	<i>Musnad Ibnu Abi Syaibah</i>	1	7

15.	<i>Al-Umm</i>	1	-
16.	<i>Al-Mu'jam al-Awsat</i>	12	6
17.	<i>Sahih al-Hakim</i>	1	8
18.	<i>Al-Mu'jam al-Kabir</i>	-	2
19.	<i>Sunan al-Darimi</i>	-	2
20.	<i>Al-Risalah</i>	-	1
<b>JUMLAH</b>	<b>20</b>	<b>177</b>	<b>471</b>

Seterusnya jadual 1.4 di bawah pula menunjukkan bahawa pelajar Syariah dan Undang-Undang dalam konteks KUIS telah juga menggunakan lima buah kitab daripada kategori sumber seumpama asli bagi hadis. Empat daripada kitab berkenaan adalah daripada jenis karya syarah hadis dan sebuah lagi adalah kitab dalam bidang tafsir al-Quran. Manakala dalam konteks KUIN, jadual 4.4 memaparkan pelajar Syariah dan Undang-Undang KUIN turut menggunakan empat buah kitab daripada kategori sumber seumpama asli bagi hadis. Keempat-empat kitab berkenaan adalah terdiri daripada jenis karya syarah hadis.

Jadual 1.4. Taburan Sumber Seumpama Asli Bagi Hadis

BIL.	KEASLIAN SUMBER HADIS	NAMA IPT	
		SUMBER SEUMPAMA ASLI BAGI HADIS	KUIS
1.	<i>Tuhfah al-Ahwazi Sharh Jami' al-Tirmidhi</i>	3	-
2.	<i>Bahr al-Mazi fi Syarh Sunan al-Tirmidhi</i>	1	-
3.	<i>'Aun al-Ma'bud Syarh Sunan Abi Dawud</i>	1	-
4.	<i>Tafsir Ibnu Kathir</i>	1	-
5.	<i>Tuhfat al-Bari Syarh Sahih Bukhari</i>	1	-
6.	<i>Fath al-Barri Syarh Sahih</i>	-	12

	<i>Bukhari</i>		
7.	<i>Sahih Muslim Bi Syarh al-Nawawi</i>	-	7
8.	<i>Sharh Sunan Ibn Majah al-Suyuti</i>	-	1
9.	<i>Sharh wa Tahqiq Sunan Abi Dawud</i>	-	1
<b>JUMLAH</b>	<b>9</b>	<b>7</b>	<b>21</b>

Selain itu, jadual 1.5 pada halaman berikut pula menunjukkan pelajar Syariah dan Undang-Undang dalam konteks KUIS telah menggunakan 19 rujukan daripada kategori sumber bukan asli bagi hadis untuk sejumlah 25 buah hadis yang disandarkan sebagai dalil dalam penulisan kertas projek masing-masing. Manakala dalam konteks KUIN, pelajar Syariah dan Undang-Undang telah menggunakan lima rujukan daripada kategori sumber bukan asli bagi hadis untuk sejumlah 10 buah hadis yang disandarkan sebagai dalil dalam penulisan disertasi dan tesis masing-masing. Kitab-kitab ini pada dasarnya bukan sumber pengambilan hadis yang tepat. Sewajarnya pelajar Syariah dan Undang-Undangsama ada daripada KUIS atau KUIN hanya menjadikan kitab-kitab ini sebagai sumber perantara sebelum mengambil tindakan selangkah lagi ke hadapan iaitu menyemak semula kedudukan hadis tersebut dalam sumber asli atau paling kurang seumpama asli bagi hadis.

Jadual 1.5. Taburan Sumber Tidak Asli Bagi Hadis.

BIL	KEASLIAN SUMBER HADIS	NAMA IPT	
		KUIS	KUIN
1.	<i>Subul al-Salam Syarh Bulugh al-Maram al-San'ani</i>	2	-
2.	<i>Ilmu Waris dalam Syariah Islam Menurut Al-Quran dan Sunnah oleh Muhammad 'Ali al-Sabuni</i>	1	-
3.	<i>Bahr al-Ra'iq Syarh Kanz al-Daqa'iq oleh Zayn al-Din bin Ibrahim</i>	2	-

4.	<i>Tabyin al-Haqa'iq Syarh Kanz al-Daqa'iq oleh Uthman bin Ali bin Mahjan al-Bari'i dan Fakhr al-Din al-Zaila'i al-Hanafi</i>	1	-
5.	<i>Hadis 40 Imam Nawawi oleh Ainon Mohd</i>	1	-
6.	<i>Jenayah Murtad Dari Sudut Hukum Syarak oleh Haji Said bin Ibrahim</i>	1	-
7.	<i>Jenayah Dalam Masyarakat Majmuk oleh Mat Saad Abdul Rahman</i>	1	-
8.	<i>Al-Lubab fi Ulum al-Kitab oleh Umar bin Ali bin 'Adil al-Dimashqi</i>	1	-
9.	<i>Al-Talkhis al-Habir fi Takhrij Ahadith al-Rafi' al-Kabir oleh Ahmad bin Ali Muhammad al-Kanani</i>	1	-
10.	<i>Fiqh al-Sunnah Sayyid Sabiq</i>	1	-
11.	<i>Kitab al-Majmul al-Mu'ti Muhammad Najib</i>	1	-
12.	<i>Majmu'at al-Ahadith a'la Abwab al-Fiqh oleh Muhammad bin Abdul Wahab bin Sulaiman Al-Tamimi</i>	1	-
13.	<i>Sahih al-Tarhib wa al-Tarhib oleh Muhammad Nasiruddin Al-Bani</i>	3	-
14.	<i>Tanqih Kitab al-Tahqiq fi Ahadith al-Ta'liq oleh Muhammad bin Ahmad bin Uthman al-Dhahabi Syams Addin</i>	1	-
15.	<i>Hukum Makanan dan</i>	1	-

	<i>Sembelihan dalam Pandangan Islam oleh Abu Sari' Muhammad Abdul Hadi</i>		
16.	<i>Fatwa Masa Kini oleh Ust Zaidi Jalil, Ust Hj Munawar dan Ust Norman</i>	1	-
17.	<i>Bulughul Maram Min 'Adillat al-Ahkam oleh al-Hafiz bin Hajar Al-Asqalani</i>	2	-
18.	<i>Al-Muntaqa fi Ahadith Al-Ahkam oleh Syeikh Al-Imam Abdussalam bin Abdullah bin Abi Qasim bin Muhammad</i>	2	-
19.	<i>Nayl al-Awtar</i>	-	3
20.	<i>Ma'rifah Sunan wa al-Athar</i>	-	2
21.	<i>Tasrih bi Zawaid al-Jami' As-Sahih Sunan Tirmidhi oleh Abi Isa Muhammad bin Isa</i>	1	-
22.	<i>Sahih al-Jami al-Albani</i>	-	1
23.	<i>Sahih al-Baghawi ma'a Hasyiyah al-Sanadi</i>	-	3
24.	<i>Mukhtasar Sahih Muslim</i>	-	1
<b>JUMLAH</b>		<b>24</b>	<b>10</b>

Dapatan keseluruhan sebagaimana yang tertera dalam jadual 1.6 pada halaman berikut mendapati pelajar Syariah dan Undang-Undang dalam konteks KUIS dan KUIN telah mendahulukan serta mengutamakan untuk merujuk hadis dalam sumber asli bagi hadis berbanding sumber seumpama asli bagi hadis atau sumber tidak asli bagi hadis. Peratusan jumlah hadis mahu pun jumlah kitab dalam kategori sumber asli bagi hadis adalah tertinggi apabila dibandingkan dengan dua kategori sumber lagi. Justifikasi daripada data ini dapat membantu kajian menyingkapkan satu fakta bahawa sumber asli bagi hadis mempunyai pengaruh yang besar dalam proses *takhrij* hadis dalam kalangan pelajar Syariah dan Undang-Undang KUIS dan KUIN meski pun masih terdapat sumber selainnya iaitu sumber seumpama asli dan sumber bukan asli bagi hadis. Kedua-dua sumber ini digunakan dalam peratusan yang masih rendah dan tidak menonjol. Namun penemuan bahawa terdapat 53 buah hadis yang tidak dinyatakan sebarang sumber pengambilan hadis

adalah tidak relevan serta boleh dipersoalkan kewajaran penukilan hadis dalam bentuk ini.

Jadual 1.6 Taburan Keaslian Sumber Hadis

KEASLIAN SUMBER HADIS	NAMA IPT	
	KUIS	KUIN
SUMBER ASLI BAGI HADIS	17 Ki ta b (174 H ad is)	17Kitab (471 Ha dis)
SUMBER SEUMPAMA ASLI BAGI HADIS	5 Ki ta b (7 H ad is)	4 Kitab (21 Ha dis)
SUMBER TIDAK ASLI BAGI HADIS	21 Ki ta b (28 H ad is)	5 Kitab (10 Ha dis)
TIDAK DINYATAKAN SUMBER	(53 H ad is)	-

**Analisis KepatuhanFormat *Takhrij* Hadis**

Format lengkap *takhrij* hadis secara umumnya mesti dipaparkan nama penyusun – nama kitab sumber *takhrij* – nama kitab kecil - nama bab – nombor hadis. Kepatuhan terhadap format ini adalah diperlukan untuk menunaikan sikap bertanggungjawab ketika menggunakan hadis sebagai sumber dalam penulisan genre ilmiah. Jarang sekali penulis genre ilmiah dalam bidang pengajian Islam mengabaikan aspek ini ketika berinteraksi dengan sumber hadis. Namun dapatan berikut dalam konteks KUIS agak mengecewakan. Terdapat 16 jenis ketidakpatuhan yang dapat dikesan dalam penulisan kertas projek pelajar sebagaimana yang dipaparkan dalam jadual 1.7 pada halaman berikut.

Dalam konteks KUIS, terdapat hanya 84 buah hadis daripada jumlah keseluruhannya iaitu 313 buah hadis yang menyatakan secara lengkap sumber rujukan tersebut berdasarkan format *takhrij* hadis. Manakala paling tidak relevan sekali, terdapat 53 buah hadis yang digunakan sebagai dalil yang tidak dinyatakan sama sekali sebarang maklumat rujukan. Pelajar hanya menyebut *matan* dan terjemahan atau terjemahan sahaja. Manakala 15 lagi jenis ketidakpatuhan juga tidak boleh dipertimbangkan kewajarannya dan sepatutnya kesemua ketidakpatuhan ini perlu dielakkan. Penemuan juga menunjukkan pelajar paling gemar mengambil mudah dengan hanya menyatakan nama pengarang sahaja ketika menukilkan sumber hadis dan ianya merupakan sikap yang paling banyak sekali yang ditonjolkan sebagaimana dapat dirujuk dalam jadual 1.7 di bawah iaitu sebanyak 55 buah hadis dalam konteks berkenaan.

Situasi ini agak berbeza dengan penemuan analisis kepatuhan format *takhrij* hadis dalam kalangan pelajar Syariah dan Undang-Undang KUIN. Para pelajar KUIN didapati lebih akur dan komited dalam memastikan hadis-hadis yang telah selesai ditakhrij dapat dinukilkan kembali dengan lengkap sebagaimana yang dikehendaki oleh format *takhrij* hadis. Buktinya terdapat 403 buah hadis yang ditemui dinyatakan secara lengkap maklumat sumber rujukannya. Hanya 86 buah hadis sahaja yang dinukilkan secara tidak sempurna yang membabitkan 15 jenis ketidakpatuhan format *takhrij* hadis yang boleh dirujuk pada jadual 1.7 pada halaman berikut. Keputusan penemuan data-data dalam konteks ini selanjutnya telah mencetuskan dorongan pengkajian terhadap faktor-faktor kecekapan mahupun kelemahan *takhrij* hadis dalam kalangan pelajar Syariah dan Undang-Undang KUIS dan KUIN.

Jadual 1.7 Kepatuhan Format *Takhrij* Hadis

BIL.	JENIS KETIDAKPATUHAN	KUIS	KUIN
		Jumlah Hadis	
1.	Dinyatakan nama pengarang sahaja	55	7
2.	Dinyatakan nama kitab sahaja	2	12
3.	Dinyatakan nama pengarang dan kitab sahaja	13	2
4.	Dinyatakan nama pengarang dan nombor hadis sahaja	26	1
5.	Dinyatakan nama kitab dan nombor hadis sahaja	3	7
6.	Dinyatakan nama pengarang dan kitab kecil sahaja	-	1
7.	Dinyatakan nama perawi hadis sahaja	-	1



8.	Tidak dinyatakan nama pengarang dan nama kitab kecil sahaja	9	2
9.	Tidak dinyatakan nama kitab sahaja / Dinyatakan nama kitab sahaja tetapi tidak jelas	5	-
10.	Tidak dinyatakan nama kitab dan bab sahaja	1	-
11.	Tidak dinyatakan nama kitab dan nombor hadis sahaja	2	1
12.	Tidak dinyatakan nama kitab kecil sahaja	26	-
13.	Tidak dinyatakan nama kitab kecil dan bab sahaja	17	6
14.	Tidak dinyatakan nama kitab kecil dan nombor hadis sahaja	2	16
15.	Tidak dinyatakan nama bab sahaja	12	5
16.	Tidak dinyatakan nama bab dan nombor hadis sahaja	2	2
17.	Tidak dinyatakan nombor hadis sahaja	1	21
18.	Tidak dinyatakan langsung maklumat sumber rujukan	53	-
19.	Tidak dinyatakan nama pengarang sahaja	-	1
20.	Dinyatakan lengkap maklumat sumber rujukan sebagaimana format <i>takhrij</i>	84	403
	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>313</b>	<b>489</b>

### **Analisis Faktor Keceapan dan Kelemahan *Takhrij* Hadis**

Analisa dokumen penulisan genre ilmiah pelajar Syariah dan Undang-Undang KUIS dan KUIN yang membabitkan 50 buah kertas projek, empat buah disertasi dan tiga buah tesis sebelum ini telah menunjukkan penemuan ketidakseragaman dan tiadanya konsistensi pelajar terhadap kepatuhan format *takhrij* hadis. Keputusan menunjukkan terdapat hanya 60.7% hadis yang telah ditakhrijkan dengan cekap dan dinukilkan semula berdasarkan format *takhrij* yang standard. Manakala bakinya iaitu 39.2% lagi telah dikenal pasti ditakhrijkan dengan lemah

dan kurang bertanggungjawab oleh pelajar. Justeru dapatan ini menunjukkan terdapat faktor kecekapan dan faktor kelemahan pentakhrijan hadis dalam kalangan pelajar IPT tersebut yang perlu didedahkan menerusi kajian ini. Kajian melakukan temu bual dengan pihak yang dikenal pasti mempunyai autoriti untuk memberi maklum balas terhadap perkara ini iaitu Ketua Jabatan Syariah dan Undang-Undang KUIS dan Dekan Kulliyah Syariah dan Undang-Undang KUIN.

### **Faktor Kecekapan**

Menurut Ketua Jabatan Syariah dan Undang-Undang, KUIS, secara umumnya terdapat lima faktor yang menjadi pendorong kecekapan aplikasi *takhrij* hadis dalam kalangan pelajar Syariah dan Undang-Undang KUIS.<sup>1</sup> Hanya faktor penguasaan Bahasa Arab dan mempunyai pengetahuan berkaitan metodologi *takhrij* hadis merupakan dua faktor yang turut dipersetujui oleh Dekan Kulliyah Syariah dan Undang-undang, KUIN.<sup>2</sup> Selain itu, beliau turut menambah faktor rujukan tesis dan disertasi terdahulu sebagai antara faktor kecekapan *takhrij* hadis dalam kalangan pelajar. Kesemua faktor tersebut dijelaskan sebagaimana berikut:

#### a. Penguatan Latihan Menerusi Bengkel/Seminar

Menurut Ketua Jabatan Syariah dan Undang-Undang KUIS, para pelajar telah dibimbing secara teori dan amali terutamanya pentakhrijan hadis secara pantas dan mudah iaitu berkompuser menerusi bengkel *takhrij* hadis yang dianjurkan kepada pelajar pada setiap semester. Bengkel selama satu hari ini mendedahkan langkah-langkah pentakhrijan yang betul khasnya dengan menggunakan *Maktabah al-Syamilah* dan laman sesawang yang menawarkan pentakhrijan ratusan ribu hadis.

#### b. Penguasaan Bahasa Arab

Selain itu, menurut Ketua Jabatan Syariah dan Undang-Undang KUIS dan Dekan Kulliyah Syariah dan Undang-undang KUIN, penguasaan Bahasa Arab yang baik turut membantu pelajar meneroka sumber hadis menerusi kitab-kitab hadis muktabar, cakera padat dan laman sesawang berkaitan *takhrij* hadis yang kebanyakan adalah dalam bahasa Arab.

---

<sup>1</sup> Temubual bersama Puan Sharifah Hana Abdul Rahman. Ketua Jabatan Syariah Undang-Undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor pada .26 Jun 2015. Jam 3.00 petang.

<sup>2</sup> Temubual bersama Prof. Dr. Md. Amin bin Abdul Rahman al-Jarumi, Dekan Kulliyah Syariah dan Undang-undang, KUIN pada 9 September 2015. Jam 9.30 pagi.

c. Mempunyai Pengetahuan Berkaitan Status Hadis

Menurut Ketua Jabatan Syariah dan Undang-Undang KUIS, pelajar juga sudah dirangka untuk mendalami pengetahuan asas berkaitan status hadis menerusi subjek *Mustalah al-Hadith* yang ditawarkan sebagai subjek teras Akademi Islam. Subjek ini memberi pengetahuan asas berkenaan klasifikasi status hadis yang dapat dibahagikan kepada empat bahagian utama iaitu *sahih, hasan, da'if* dan *mawdu'*. Justeru pelajar telah dapat memahami berkenaan status hadis yang pelbagai ini serta mengetahui sumber-sumberambilannya.

d. Mempunyai Pengetahuan berkaitan kitab-kitab Hadis

Menurut Ketua Jabatan Syariah dan Undang-Undang KUIS lagi, pelajar juga telah didedahkan dengan nama-nama kitab-kitab hadis yang muhtabar beserta pengarangnya khasnya kitab induk hadis yang enam iaitu *al-Kutub al-Sittah* dan lain-lain menerusi subjek *Mustalah al-Hadith*. Pengetahuan ini membantu pelajar mengenali kitab-kitab hadis yang berautoriti untuk dirujuk dalam bidang periwayatan dan penzahiran sumber hadis.

e. Mempunyai Pengetahuan Berkaitan Metodologi *Takhrij* Hadis

Menurut Ketua Jabatan Syariah dan Undang-Undang KUIS dan Dekan Kulliyah Syariah dan Undang-Undang KUIN, pelajar telah didedahkan tentang teori dan konsep metodologi *takhrij* hadis yang standard (pengkaji-terutamanya berkaitan pentakhrijan hadis secara berkomputer). Metode ini merupakan kaedah yang paling terkini dan meluas digunakan dalam pencarian hadis-hadis dan status-statusnya. Ia merupakan kaedah yang paling cepat dan menjimatkan kos. Pada dasarnya kewujudan metode ini telah hampir dapat melenyapkan kerumitan dan kesukaran dalam proses pentakhrijan hadis. Hampir boleh dikatakan bahawa jarang sekali pelajar tidak mengetahui atau tidak pernah menggunakan metode ini.

f. Rujukan Tesis dan Disertasi Terdahulu

Menurut Dekan Kulliyah Syariah dan Undang-Undang KUIN, kecekapan pelajar turut dibantu dengan sikap pelajar yang mengambil inisiatif untuk merujuk tesis dan disertasi terdahulu. Rujukan ini memberi lebih gambaran berkenaan contoh-contoh pentakhrijan hadis sebenar yang telah diaplikasikan dalam penulisan tesis dan disertasi tersebut. Ia mendorong pelajar mencontohi dan membina keyakinan dalam penulisan masing-masing.

**Faktor Kelemahan**

Penemuan menunjukkan masih terdapat 39.2% daripada hadis-hadis yang dirujuk oleh pelajar KUIS dan KUIN telah ditakhrijkan secara lemah dan tidak lengkap. Dengan erti kata lain, tidak mematuhi format pentakhrijan hadis yang standard. Justeru, menurut Ketua Jabatan Syariah dan Undang-Undang KUIS, terdapat tiga faktor kelemahan yang menyebabkan perkara seumpama ini masih boleh terjadi dan satu faktor kelemahan menurut pandangan Dekan Kulliyah Syariah dan Undang-undang, KUIN sebagaimana berikut:

a. Sikap Tidak Serius

Pada hakikatnya menurut Ketua Jabatan Syariah dan Undang-Undang KUIS, memang terdapat segelintir pelajar yang bersikap tidak serius dan kurang bersungguh dalam mengaplikasikan pentakhrijan hadis-hadis yang mereka sandarkan dalam penulisan kertas projek, tesis mahu pun disertasi. Sikap begini muncul adalah berkaitan dengan dua faktor seterusnya iaitu kurang kefahaman berkenaan teknik dan kepentingan *takhrij* hadis.

b. Kurang Faham Teknik *Takhrij* Hadis

Menurut Ketua Jabatan Syariah dan Undang-Undang KUIS, meski pun para pelajar telah didedahkan tentang teknik *takhrij* hadis menerusi bengkel tertentu, namun kemungkinan masih terdapat segelintir pelajar yang kurang memahami teknik yang telah didedahkan tersebut. Faktor ini menjadikan mereka tidak konsisten dan bersikap sambil lewa dalam pentakhrijan hadis.

c. Kurang faham Kepentingan *Takhrij* Hadis

Lebih-lebih lagi kurangnya pengetahuan dan kefahaman pelajar tentang kepentingan *takhrij* hadis-hadis yang menjadi sandaran hujah dalam penulisan mereka. Justeru, menurut Ketua Jabatan Syariah dan Undang-Undang KUIS, kekurangan dalam aspek ini turut menjejaskan komitmen pelajar dalam mendisiplinkan diri supaya sentiasa beretika dan bertanggungjawab apabila melakukan pentakhrijan hadis.

d. Sikap Penyeliaan Yang Mudah

Manakala Dekan Kulliyah Syariah dan Undang-undang, KUIN mengemukakan hanya satu faktor kelemahan aplikasi *takhrij* hadis dalam kalangan pelajar KUIN iaitu sikap penyeliaan yang mengambil mudah terhadap format *takhrij* hadis peringkat disertasi sarjana berbanding tesis doktor falsafah meski pun kedua-dua peringkat pengajian telah disarankan mematuhi format *takhrij* hadis yang lengkap yang sama sebagaimana yang terdapat di dalam Buku Panduan Penulisan Tesis KUIN. Oleh sebab itu masih terdapat sejumlah 86 jenis ketidak-patuhan pentakhrijan hadis dalam penulisan terbabit.

**KESIMPULAN**

Keseluruhan dapatan menunjukkan terdapat 759 buah hadis yang ditemui sebagai rujukan dalam penulisan 57 buah kertas projek, tesis dan disertasi oleh pelajar Syariah dan Undang-Undang KUIS dan KUIN. 571 buah hadis daripadanya adalah berstatuskan *sahih*, satu hadis *da'if* dan 187 buah hadis lagi tidak dinyatakan sebarang statusnya. Manakala 648 buah hadis daripadanya dikenal pasti telah diambil daripada sumber *takhrij* hadis yang asli dan berautoriti iaitu daripada 20 buah kitab. Manakala 28 buah hadis lagi telah diambil daripada sumber seumpama asli bagi hadis iaitu daripada sembilan buah kitab. Selain itu, terdapat 35 buah hadis yang dikenal pasti telah diambil daripada sumber tidak asli bagi hadis iaitu daripada 24 buah kitab. Seterusnya 487 buah hadis ditemui telah ditakhrijkan dengan lengkap menepati format *takhrij* hadis yang standard dan 314 buah hadis lagi telah ditakhrijkan secara tidak lengkap serta tidak mematuhi format *takhrij* hadis yang standard.

Jenis ketidakpatuhan terbanyak yang ditemui dilakukan oleh pelajar iaitu membabitkan 55 buah hadis yang hanya dinyatakan semata-mata nama pengarang sahaja. Selain itu, jenis ketidakpatuhan kedua terbanyak yang dilakukan oleh pelajar iaitu membabitkan 53 buah hadis yang tidak dinyatakan langsung maklumat sumber rujukan. Dapatan turut menemui enam faktor kecekapan dan empat faktor kelemahan aplikasi *takhrij* hadis dalam kalangan pelajar. Implikasi daripada dapatan ini menunjukkan terdapatnya ketidakseragaman dan tiadanya konsistensi pelajar terhadap kepatuhan format *takhrij* hadis dalam penulisan genre ilmiah yang perlu ditangani secara lebih serius dan memerlukan komitmen penyeliaan yang lebih ketat dalam soal ini.

Namun begitu, dapatan kajian masih tidak dapat menepikan fakta bahawa pada dasarnya graduan pengajian Islam Syariah dan Undang-undang KUIS dan KUIN telah mempunyai kemahiran *takhrij* hadis yang standard berasaskan penemuan 487 buah hadis yang telah dinukilkan dengan menepati format *takhrij* yang sebenar dalam penulisan kertas projek, disertasi dan tesis mereka. Meski pun pada masa yang sama terdapat penemuan 315 buah hadis yang dinukilkan secara tidak mematuhi format *takhrij* tersebut.

*Wallahu'alam.*

**RUJUKAN**

- al-Akayilah, Sultan Sanad et.al, 1999,*Al-Wadih fi Fann al-Takhrij wa Dirasah al-Asanid*, Jordan: 'Amman al-Dar 'al-'Alamiyyah li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- 'Abd al-Hadi, Abu Muhammad 'Abd al-Mahdi bin 'Abd al-Qadir, 1987,*Turuq Takhrij Hadith Rasulullah*, Mesir: Dar al-I'tisam.
- al-Ghawri, Sayyid 'Abd al-Majid, 2012,*Mu'jam Mustalahat al-Hadithiyyah*, Bangi: Darul Syakir Enterprise.
- Khayr Abadi, Muhammad Abu Layth. 2003. *Takhrijal-Hadith Nashatuh wa Manhajiyyatuh*, Selangor: Darul Syakir.
- Marohaini Yusoff. 2004. Pertimbangan kritikal dalam pelaksanaan kajian kes secara kualitatif, dalam Marohaini Yusuff (pnyt.). *Penyelidikan Kualitatif Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*, hlm. 37, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Merriam, S.B. 1998, *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. San Francisco: Jossey-Bass Inc.
- Al-Tahhan, Mahmud.1991,*Usul al-Takhrij wa Dirasah al-Asanid*, Riyad: Maktabah al-Ma'arif.
- Temubual bersama Puan Sharifah Hana Abdul Rahman, Ketua Jabatan Syariah Undang-Undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor pada 26 Jun 2015. Jam 3.00 petang.
- Temubual bersama Prof. Dr. Md. Amin bin Abdul Rahman al-Jarumi, Dekan Kulliyah Syariah dan Undang-undang, KUIN pada 9 September 2015. Jam 9.30 pagi.